

Penduduk bekerja pada April 15.85 juta

Putrajaya: Kadar pengangguran negara menurun pada April tahun ini iaitu 3.9 peratus berbanding 4.1 peratus pada bulan sebelumnya, menurut Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, April 2022 dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, kedudukan tenaga buruh pada bulan terbabit terus mengukuh dengan peningkatan sebanyak 0.4 peratus bulan ke bulan kepada 16.50 juta orang, berbanding 16.44 juta

orang pada Mac.

“Kadar penyertaan tenaga buruh meningkat sebanyak 0.2 mata peratus kepada 69.4 peratus daripada 69.2 peratus pada Mac 2022, menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam pasaran,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, penduduk bekerja menunjukkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.5 peratus dan merekodkan 15.85 juta orang pada April berbanding 15.77 juta orang pada Mac.

Mengenai situasi guna tenaga, Mohd Uzir berkata,

kategori pekerja yang merangkumi komposisi terbesar jumlah penduduk bekerja iaitu sebanyak 76.3 peratus, meningkat 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 12.09 juta orang, berbanding 12.06 juta orang yang direkodkan pada Mac.

Katanya, penduduk bekerja sendiri terus bertambah sebanyak 1.2 peratus kepada 2.72 juta orang pada April (Mac: 2.69 juta).

“Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan lebih banyak aktiviti perniagaan sempena sambutan Ramadan dan persiapan menje-

lang Aidilfitri pada bulan terbabit, selari dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa yang menggalakkan sektor pelancongan dan industri berkaitan pelancongan meneruskan aktiviti mereka,” katanya.

Dalam sektor ekonomi, Mohd Uzir berkata, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus mengekalkan trend positif terutama dalam subsektor perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan makanan serta minuman dan bidang kesihatan dan kerja sosial.